

# Bengkel Pembentangan Takwim Aktiviti Pelajar Jabatan Hal Ehwal Pelajar 2013

Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) telah menganjurkan Bengkel Takwim Aktiviti Pelajar bagi tahun 2013 yang berlangsung pada 16-17 Disember 2012 lepas bertempat di Beringgis Beach Resort, Kinarut. Objektif program ini adalah untuk menyelaraskan setiap aktiviti bahagian di bawah Jabatan Hal Ehwal Pelajar termasuk Bahagian Pembangunan Potensi Pelajar, Kebudayaan dan Kesenian, Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, Perumahan dan aktiviti-aktiviti sekolah di bawah Majlis Timbalan Dekan yang dicadangkan dan bakal dilaksanakan pada tahun 2013. Antara perkara yang turut dibincangkan di peringkat awal adalah perancangan setiap aktiviti lebih tersusun, berstruktur dan paling utama adalah impak yang berpanjangan selepas sesuatu aktiviti

selesai dilaksanakan. Pembentangan setiap aktiviti pelajar dibentangkan di hadapan Timbalan Naib Canselor HEPA, YBhg. Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Hj. Md. Mansur dan En. Mohd Raffie Hj Janau, selaku Ketua Jabatan Hal Ehwal

Pelajar. Antara komen yang diutarakan adalah penganjuran aktiviti atau program haruslah mempunyai impak yang tinggi, perbelanjaan berhemah dan mempunyai kualiti yang tinggi.

